

EDISI
JUN 2025

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



WWW.WADAH.ORG.MY

PROGRAM CUTI SEKOLAH: AULAD POWER CAMP ANJURAN WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA

SG MERAB, 3 – 5 JUN 2025 - Seramai 19 orang peserta yang terdiri daripada peringkat sekolah rendah telah menyertai Aulad Power Camp yang berlangsung dari 3 hingga 5 Jun 2025 di Anjung Rahmat, Sg Merab. Program anjuran WADAH ini diadakan bersempena cuti sekolah bagi mengisi aktiviti musim cuti sekolah anak-anak dengan aktiviti menyeronokkan dalam suasana yang islamik.

Setiap hari mempunyai tema yang berbeza iaitu tema pada hari pertama ialah "Tadabbur Alam dan Sains" diikuti "Bengkel DIY Kreatif" pada hari kedua, dan tema "Dapur Si Cilik" pada hari terakhir. Melalui program ini, peserta diberi peluang meneroka alam, berkreasi dengan kraf tangan, serta mencuba resepi mudah sambil mempelajari nilai murni seperti kerjasama, tanggungjawab dan kebersihan. Program ini mendapat sambutan positif daripada ibu bapa yang menyokong pembelajaran holistik dalam suasana santai dan ceria.



SYARAHAN IDEA MADANI SIRI 2: MENYINGKAP TRANSFORMASI MADANI DARI YATHRIB KE MADINAH NABI

4 JUN 2025 | GOMBAK- Syarahan Idea MADANI Siri 2 anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah berlangsung pada malam Rabu, 4 Jun 2025 bertempat di Main Auditorium, Kampus UIAM Gombak.

Syarahan bertajuk “Dari Yathrib ke Madinah Nabi: Sebuah Transformasi Madani” telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangkap tokoh ilmuwan Islam kontemporari.



YOUTH RESPONSIBILITY IN A SHARED FUTURE: ISLAMIC -CONFUCIAN DIALOGUE AND NEW HORIZONS FOR MALAYSIA -CHINA COOPERATION



5 JUN 2025 | KUALA LUMPUR- Program bertemakan "Youth Responsibility in a Shared Future: Islamic-Confucian Dialogue and New Horizons for Malaysia-China Cooperation" telah berlangsung pada 5 Jun 2025, menghimpunkan para pemikir, cendekiawan dan belia dari pelbagai latar bagi memperkuuh dialog antara budaya dan tamadun.

Program ini memberi tumpuan kepada nilai bersama antara ajaran Islam dan Konfusianisme dalam mendidik generasi muda agar lebih bertanggungjawab terhadap masa depan bersama yang inklusif, damai dan sejahtera.

Setiausaha Agung WADAH, Encik



Azizuddin Ahmad, turut hadir sebagai wakil organisasi, melambangkan komitmen WADAH dalam memperkuuh

wacana lintas budaya dan kerjasama antarabangsa yang berteraskan nilai keinsanan sejagat.

BENGKEL KESIHATAN REPRODUKTIF

SG MERAB, 5 JUN – Bengkel Kesihatan Reproduktif telah diadakan di Anjung Rahmat bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap aspek penting kesihatan reproduktif serta kesejahteraan diri. Program ini melibatkan peserta daripada kalangan peringkat sekolah menengah daripada sekolah yang berbeza.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH





MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM MADANI SEA LEADERSHIP PROGRAM (MSEALP)

SG MERAB, 5 JUN – Mesyuarat penyelarasan bagi Madani Sea Leadership Programme (MSEALP) telah diadakan pada 5 Jun bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab melibatkan penyertaan urus setia, wakil penganjur serta rakan strategik. Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Agung WADAH, En. Azizuddin Ahmad. Mesyuarat ini bertujuan menyelaras aspek pelaksanaan program termasuk pengisian modul, senarai peserta, logistik, serta jadual aturcara. Turut dibincangkan ialah pembahagian peranan dan persiapan dokumentasi rasmi program.

PERBINCANGAN DIANTARA PRICE WATERHOUSE COOPER (PWC) MALAYSIA BERSAMA DISABILITY SERVICES UNIT (DSU) MENGENAI ISU PENGAMBILAN TENAGA KERJA OKU & INCLUSIVE WORKING ENVIRONMENT



GOMBAK, PADA 7 JUN 2025, satu perbincangan bermakna telah diadakan antara PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia dan Disability Services Unit (DSU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) yang memfokuskan kepada isu pengambilan tenaga kerja Orang Kurang Upaya (OKU) dan persekitaran kerja yang inklusif. Perbincangan di kongsikan oleh Dato Yusri

Turut menyertai sesi ini ialah dua orang ahli WADAH/SALWA dan seorang ahli ABIM yang kini berkhidmat bersama DSU IIUM, menjadikan perbincangan ini bukan sahaja interdisiplin tetapi juga memperlihatkan sokongan gerakan masyarakat sivil terhadap agenda inklusif ini.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH DI KARNIVAL PEDULI KOMUNITI MADANI DI KG ORANG ASLI BUMIPUTRA DALAM, RENGIT ,JOHOR



9 JUN 2025 | JOHOR BAHRU-Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Encik Azizuddin Ahmad telah hadir di program tersebut. YB Senator Zulkifli, Timbalan Menteri telah menyempurnakan majlis perasmian penutup Karnival Peduli Komuniti MADANI anjuran WADAH Johor pada 9 Jun 2025.

Karnival ini menghimpunkan pelbagai aktiviti berbentuk khidmat masyarakat, kesedaran sosial dan pemberdayaan komuniti, khususnya kepada penduduk setempat termasuk golongan asnaf dan belia.

Bersempena ibadat korban beberapa ekor lembu dan seramai 180 keluarga Orang Asli , Kg Orang Asli Bumiputra Dalam, Rengit Johor. menerima daging serta barang dapur.



PERBINCANGAN JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA (JPOKU) DENGAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)

9 Jun 2025 - Perbincangan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat JPOKU, Menara KPWKM, Putrajaya dipengerusi oleh En. Pathmanathan a/l R.Nalasamy, Pengarah JPOKU.

Objektif perbincangan ini adalah berikut:

a) Menekankan kepentingan pemerkaan OKU dalam pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, pekerjaan dan sosial.

b) Menggalakkan sikap empati,

hormat dan inklusif dalam kalangan masyarakat terhadap OKU.

c) Menyoroti peranan kerajaan, institusi dan masyarakat dalam menyediakan peluang saksama kepada golongan OKU.

d) Mengubah persepsi negatif terhadap OKU dan mempromosikan potensi serta sumbangan mereka kepada negara.

Kami bertemu empat mata membincangkan isu semasa mengenai OKU.

3 wakil UIA ialah Prof Dr Ruzita Mohd Amin, YBhg. Mejaz Jeneral Dato' Yusry Anwar dan Puan Nurul Huda Azaman.



KEM FITRAH RIMBA ANJURAN WADAH

SG GABAI, 11-12 JUN – Kem Fitrah Rimba anjuran WADAH telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 Jun bertempat di Deruan Rimba Campsite, Sg Gabai. Kem ini melibatkan anak-anak orang asli sekitar 25-30 orang yang kebanyakannya daripada mereka masih bersekolah rendah. Pelaksanaan kem ini bertujuan untuk membentuk jati diri anak-anak orang asli melalui aktiviti yang menyeronokkan dan sesuai dengan budaya mereka. Seterusnya, seramai 5 orang urusetia serta 4 orang sukarelawan telah menyumbang tenaga dan bakti sepanjang program berlangsung. Kem ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada komuniti orang asli termasuk ibu bapa yang turut hadir memeriahkan makan malam dan BBQ.



BENGKEL TOT SAHABAT PENGERAK MADANI

11&12 JUN - Bengkel Training of Trainers (ToT) Sahabat Penggerak MADANI yang berlangsung selama dua hari pada 11 dan 12 Jun yang bertempat di Kuala Lumpur telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan aktif para peserta dari pelbagai latar belakang. Beberapa orang wakil pimpinan WADAH Pusat turut hadir. Program ini bertujuan untuk melahirkan barisan fasilitator berkemahiran dan berwawasan MADANI yang mampu menjadi agen perubahan di peringkat akar umbi. Bengkel merangkumi sesi pembinaan modul, teknik pengendalian kelompok, serta latihan komunikasi berkesan.



MESYUARAT EXCO WADAH PUSAT

14 JUN- Mesyuarat Exco WADAH telah berlangsung dengan lancar bagi membincangkan pelbagai agenda penting berkaitan gerak kerja pertubuhan. Mesyuarat yang diadakan secara bersempena itu turut menekankan penyelesaian program-program semasa dan perancangan strategik akan datang demi memperkasa usaha dakwah dan pembangunan ummah. Mesyuarat dipengerusikan oleh Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman.



MESYUARAT TAHUNAN PERWAKILAN HALUAN



14 JUN- Mesyuarat Tahunan Perwakilan HALUAN telah berlangsung dengan lancar, menghimpunkan wakil-wakil negeri dan sayap pertubuhan dari seluruh negara bagi membincangkan laporan tahunan, pemilihan kepimpinan serta halatuju strategik organisasi. Mesyuarat ini menjadi platform penting untuk menilai pencapaian sepanjang tahun lalu, membentangkan laporan kewangan, serta merancang agenda kebajikan, pendidikan dan pembangunan insan bagi tahun mendatang. Turut hadir wakil WADAH, En. Kamarul Azami Mohd Zaini, setiausaha Wadah Selangor.



MERAIKAN Saudara Raffie mengakhiri perkhidmatan sebagai petugas sepenuh masa SWP hari ini. Raffie akan meneruskan dan membantu ibubapanya dalam perniagaan katering.



IKUTI tulisan Ustaz Hasri Harun, Timbalan Presiden WADAH di akhbar Berita Harian, Sinar Harian serta temubual di TVHijrah dan BERNAMA.

MUZAKARAH ISU HAK ASASI MANUSIA DARIPADA PERSPEKTIF SYARIAH

17 JUN- Muzakarah Isu Hak Asasi Manusia dari Perspektif Syariah telah diadakan pada 17 Jun 2025, menghimpunkan para ilmuwan, pengamal undang-undang dan aktivis masyarakat bagi membincangkan isu-isu hak asasi manusia dalam kerangka syariah yang holistik dan seimbang.

Program ilmiah ini bertujuan menjernihkan kekeliruan berkenaan tafsiran hak asasi yang sering kali dilihat bertentangan dengan prinsip syariah, serta mencari titik temu antara nilai universal dan tuntutan agama Islam.

Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam, sebagai salah seorang panelis, yang menegaskan kepentingan wacana berterusan dalam memastikan kefahaman umat Islam terhadap hak asasi manusia tidak terpisah daripada asas syara' yang menyeluruh dan adil.



SYARAHAN PROFESOR EMERITUS & FORUM KENEGARAAN

UNIVERSITI MALAYSIA IDE unisel

MENCARI MAKNA KEMANUSIAAN DI SEBALIK KONFLIK PALESTIN

KRISIS KEMANUSIAAN DI PALESTIN: PENGUKURAN KENEGARAAN MELALUI ASPIRASI MALAYSIA MADANI

Dato' Dr. Hj Roslan Hussin
Ketua Pengarah Akademik Kenegaraan Malaysia (AKM)
Pejabat Perdana Menteri

Professor Madya Dr. Zulkarnain Abdul Rahman
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya (UM)

Professor Madya Dr. Abu Hanifah Haris
Ahli Muzium Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya (UM)

Syarahan Profesor Emeritus Oleh:
YB Senator Prof Emeritus
Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman

11 JUN 2025 (RABU) • 8:30 PAGI – 1:00 TENGAH HARI
Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

Malaysia Madani ASEAN



SCAN UNTUK SUMBANGAN

DuitNow QR

PERSATUAN WARDAH PENCERDASAN UMAT M'SIA

JOM DAFTAR AHLI WADAH

QR code

SYARAHAN Professor Emeritus oleh YB Senator Prof Emeritus Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman telah diadakan di Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Syarahan beliau berkaitan Konflik Palestin dan usaha mencari makna kemanusiaan. Didalam kecelaruan politik, permusuhan serta kepentingan beberapa pihak yang Barat telah menjadi duri dalam sebarang usaha pendamaian di asia barat. program diteruskan dengan forum kenegaraan oleh Dato Dr Hj Roslan Husain, Prof Madya Datuk Dr Zulkarnain Abd Rahman dan Prof Madya Dr Abu Hanifah Haris.

MESYUARAT FINAL TOUCH MSEALP DI HOTEL TAMU

- 18 JUN- Mesyuarat final touch bagi Madani Southeast Asia Leadership Programme (MSEALP) telah berlangsung di Hotel Tamu bagi memuktamadkan persiapan akhir menjelang pelaksanaan program. Mesyuarat kali ini melibatkan wakil pengajur dan urus setia yang meneliti semula atur cara, tugas, logistik serta penyelarasan pengisian program berteraskan nilai MADANI. Semua pihak komited memastikan MSEALP berjalan lancar dan memberi impak signifikan kepada pembangunan kepimpinan serantau.
-
-
-
-
-



MESYUARAT GERAKAN NGO ISLAM

18 JUN- Mesyuarat Gerakan NGO Islam telah berlangsung pada 18 Jun 2025 dengan menghimpunkan wakil-wakil pertubuhan Islam bagi membincangkan strategi kolaborasi, pengukuhan jaringan serta peranan bersama dalam menangani isu-isu ummah semasa. Mesyuarat dipengerusikan oleh Sdr. Amidi Abdul Manan, Exco WADAH Pusat. Mesyuarat ini menjadi medan penting untuk menyelaraskan gerak kerja dakwah, kebajikan, advokasi serta pendidikan masyarakat secara kolektif dan tersusun, sejajar dengan tuntutan dakwah kontemporari yang semakin mencabar.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



PERTEMUAN BERSAMA PIMPINAN WADAH DAN SALWA, TERENGGANU

TERENGGANU – PADA 18 JUN 2025, satu pertemuan bersama pimpinan WADAH dan SALWA Terengganu telah diadakan sebagai sebahagian daripada usaha memperkuuh jaringan kerjasama di peringkat negeri. Pertemuan ini di hadiri oleh Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin, yang berkongsi pandangan strategik

mengenai hala tuju gerakan serta peranan sinergi antara WADAH dan SALWA dalam memperkasa masyarakat melalui pendidikan, dakwah dan pembangunan insan.

Sesi ini membuka ruang untuk perbincangan lebih mendalam berkaitan inisiatif bersama yang bersifat lokal dan berimpak tinggi.



JELAJAH ANTI SCAM TERENGGANU 2025, ANJURAN CSM, MCPF, WADAH, ABIM DAN GBAS

19 JUN 2025 – Program Jelajah Anti-Scam Terengganu 2025 telah berjaya dianjurkan sebagai inisiatif bersama untuk memperkasakan masyarakat dengan ilmu dan kesedaran terhadap jenayah penipuan digital yang semakin kompleks dan membimbangkan.

Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara CyberSecurity Malaysia (CSM), Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF), Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS).

Turut mengisi program ini ialah Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin, yang menyampaikan pengisian bermanfaat berkaitan etika digital, kepentingan literasi maklumat dan peranan masyarakat dalam menangani penipuan dalam talian.



PROGRAM siri wacana Bergerak MADANI. Siri kali ini membawa tajuk Mengangkat Pemikiran Siddiq Fadzil, yang diadakan di UNISEL Selangor dan Politeknik Tengku Omar, Ipoh Perak. Timbalan Presiden, Ustaz Hasri dan Hj Amidi, Exco WADAH turut membentangkan kertas kerja dalam seminar tersebut.



Bengkel Pembangunan Awal Modul Keibubapaan

20 JUN 2025, Bangi Resort Hotel -

Wakil WADAH telah Menyertai Bengkel Pembangunan Awal Modul Keibubapaan Yang Berlangsung Pada 20 Jun 2025 Bertempat Di Bangi Resort Hotel. Naib Presiden WADAH, En. Fauwaz Hasbullah, selaku moderator turut memberi Input Dan Pandangan Dalam Sesi Perbincangan Pembangunan Kandungan Modul.

Bengkel Ini Bertujuan Merangka Modul Asas Keibubapaan Yang Sesuai Dengan Konteks Semasa Serta Mampu Memperkasakan Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Generasi Masa Depan Yang Seimbang Dari Segi Emosi, Intelek Dan Spiritual.



**PRESIDEN
WADAH DI SLOT
ASSALAMUALAIKUM
TV ALHIJRAH BAGI
MEMPROMOSIKAN
MADANI SEA LEADERSHIP
PROGRAMME 2025**

22 JUN 2025 | KUALA LUMPUR- Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), YBhg. Dato Ahmad Azam Ab Rahman telah tampil sebagai tetamu dalam rancangan bual bicara Assalamualaikum terbitan TV AlHijrah pada 22 Jun 2025.

Siaran secara langsung yang disiarkan dari studio TV AlHijrah itu bertujuan untuk mempromosikan program MADANI South East Asia Leadership Programme (MSEALP) 2025 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 23 hingga 26 Jun 2025 bertempat di Hotel Tamu, Kuala Lumpur. Dalam segmen tersebut, YBhg. Presiden telah berkongsi matlamat utama penganjuran program, iaitu memperkuuh kepimpinan belia Islam serantau berteraskan nilai Malaysia MADANI, serta memperluas jaringan kerjasama strategik antara pemimpin muda dari negara-negara Asia Tenggara.

MADANI SEA LEADERSHIP PROGRAM (MSEALP) 2025

23-26 JUN- Program Madani Sea Leadership Program (MSEALP) telah berjaya dilaksanakan pada 23 hingga 26 Jun 2025, menghimpunkan barisan pemimpin muda dari pelbagai negara Asia Tenggara dalam sebuah platform dialog dan pembangunan kapasiti bertemakan nilai-nilai MADANI. Berlangsung di sekitar ibu negara, program ini merangkumi siri wacana kepimpinan, lawatan strategik, perbincangan kelompok serta aktiviti jaringan rentas negara yang memberi ruang kepada peserta berkongsi pandangan, membina solusi bersama dan merancang inisiatif serantau secara bersepadu.



LENZA AKTIVITI

Lensa aktiviti PTN WADAH. Sepanjang bulan Jun , berbagai program dijalankan di semua PTN parlimen. Sempena Menyambut Idul adha, WADAH dengan kerjasama YAPEIM telah mengadakan aktiviti korban di PTN Permatang Pauh, PTN Lumut, PTN Bagan Datuk, PTN Alor Setar, PTN Batu Pahat, PTN Sepang, PTN Bandar Tun Razak, PTN Kuala Lipis dan PTN Gombk. Lebih 500 keluarga menerima daging agihan korban program PTN tahun ini. Disamping program dengan perkampungan orang di Rengit Batu Pahat serta program kasih dengan hospital-hospital di kawasan PTN yang terpilih.



LENZA AKTIVITI



BELASUNGKAWA: PEMERGIAN PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY

26 JUN 2025 | KUALA LUMPUR - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) merakamkan setinggi-tinggi takziah atas pemergian YBhg. Prof. Dr. Mohammad Nur Manuty, Ketua Majlis Istisyari WADAH (MIW) merangkap tokoh gerakan dakwah dan pemikiran Islam tanah air, yang telah kembali ke rahmatullah pada 26 Jun 2025.

Allahyarham merupakan antara tokoh terawal yang terlibat dalam perjuangan membina kesedaran Islam melalui gerakan mahasiswa dan masyarakat sejak dekad 70-an, termasuk pernah memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) serta memainkan peranan penting dalam penubuhan dan pengukuhan WADAH.

Sumbangan besar Allahyarham dalam bidang keilmuan, dakwah, dasar pemikiran Islam kontemporari, serta ketokohan beliau sebagai negarawan ilmu akan terus di kenang dan menjadi inspirasi buat generasi penerus.

WADAH mendoakan semoga roh Allahyarham di tempatkan dalam kalangan hamba-hamba Allah yang beriman dan beramal soleh.



Biodata Ringkas

PROFESSOR DATO DR. MUHAMMAD NUR MANUTY

Tarikh Lahir : 12 Disember 1949
Asal : Batu Kurau, Perak
Status : Berkahwin Seorang
Isteri 5 Orang Anak

Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty merupakan seorang cendekian Islam, pemikir, dan pendidik yang berpengalaman luas dalam akademik dan dakwah. Beliau sekarang berkhidmat sebagai Pengurus IKIM dan Presiden Kolej Dar al-Hikmah, aktif gerakan Islam seperti PKPIM, ABIM & WADAH serta aktif dalam kajian dan penyelidikan berkaitan pemikiran Islam dan pembangunan masyarakat.

BAHASA

Bahasa Melayu : Mahir Menulis & Berkommunikasi
Bahasa Inggeris : Mahir Menulis & Berkommunikasi
Bahasa Arab : Mahir Menulis & Berkommunikasi

JAWATAN SEMASA

Pengerusi IKIM (2023)
Presiden KDH (2021)
CEO@FKP USIM (2024)

ANUGERAH & PENCAPAIAN

- 1) Bintang Paduka Cura SiManjakini (PCM) oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak (1996).
- 2) Darjah Pangkuan Setia Negeri (DPSN) yang bergelar Dato' oleh TYT Yang dipertua Negeri Pulau Pinang pada 18 Julai 2018
- 3) Diamond Award oleh (MCAS) 18 Januari 2025

PENERBITAN BUKU

- 1) Anugerah Islam Kepada Tamadun ('Atau Islam Ili Hadarah)
- 2) "Presenting God to Modern Man" dalam Proceeding Cross Cultural Da'wah
- 3) Islam & Demokrasi
- 4) Polemik Kalimah Allah – Antara Targhib Dan Tarhib
- 5) Islam, Politik Dan Kesederhanaan
- 6) Jejak Jejak Pencerahan Umat



HENTIKAN PENJAJAHAN GAYA BAHARU: KECAM TINDAKAN AGRESIF AMERIKA SYARIKAT DAN SERU DAMAI SEJAGAT

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketentereaan Amerika Syarikat yang melancarkan serangan ke atas kepentingan strategik Republik Islam Iran. Tindakan ini mencabul kedaulatan negara lain, melanggar undang-undang antarabangsa, dan dilakukan tanpa melalui konsultasi dengan Senat AS sendiri satu langkah autokratik yang mencerminkan ciri-ciri diktator moden dan kekejaman gaya Hitler.

1. AMERIKA SYARIKAT JANGAN MENJADI DALANG PERANG DUNIA BAHARU

Tindakan unilateral Amerika Syarikat hanya akan mempercepatkan ketegangan serantau dan menjadi pencetus kepada kancan perang baharu di Asia Barat. Dunia tidak boleh terus berdiam diri terhadap keangkuhan kuasa besar yang semakin bertindak sewenang-wenangnya tanpa mandat rakyat dan perundungan antarabangsa.

2. DUNIA HARUS PILIH JALAN PENDAMAIAN, BUKAN KEGANASAN

WADAH menyeru agar semua pihak yang terlibat menghentikan kitaran keganasan ini dan kembali kepada meja rundingan. Dunia memerlukan penyelesaian berdasarkan keadilan, hak asasi manusia dan penghormatan terhadap sempadan serta kedaulatan negara-negara lain.

3. PERANAN TEGAS OIC DAN PBB DIPERLUKAN SEGERA

WADAH mendesak OIC agar mengambil langkah konkrit dan segera untuk mempertahankan umat Islam yang menjadi mangsa konflik serta memainkan peranan pendamai. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga



HENTIKAN PENJAJAHAN GAYA BAHARU: KECAM TINDAKAN AGRESIF AMERIKA SYARIKAT DAN SERU DAMAI SEJAGAT

Facebook: [wadah.malaysia](https://www.facebook.com/wadah.malaysia) Instagram: [@wadahpencerdasan](https://www.instagram.com/wadahpencerdasan/) Website: www.wadah.my Call: 03-8920 2142

perlu menghentikan dasar 'double standard' dan bersikap tegas dalam mengecam sebarang tindakan pencerobohan dan penjajahan moden.

4. DESAK KECAMAN ANTARABANGSA DAN SOLUSI DIPLOMATIK SEGERA

WADAH menyeru kerajaan-kerajaan, pertubuhan antarabangsa dan masyarakat civil agar menyatakan kecaman keras terhadap pelanggaran undang-undang antarabangsa ini dan menggerakkan tekanan diplomatik untuk mengembalikan semua pihak ke meja rundingan demi masa depan yang aman dan stabil.

"Bangkit Bersama Dunia yang Adil dan Damai"

Azizuddin Ahmad,
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan
Umat Malaysia (WADAH)

KES SIS FORUM: WADAH SERU PENGUKUHAN BIDANG KUASA SYARIAH DAN PENYELESAIAN BERHIKMAH SISTEM DUA PERUNDANGAN

20 JUN 2025 / 22 ZULHIJJAH 1446H

Merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan pada 19 Jun 2025 yang berkaitan dengan pemakaian fatwa terhadap pertubuhan Sisters in Islam (SIS Forum Malaysia), Pertubuhan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) ingin mengemukakan pendirian berikut:

1. Kedudukan Mahkamah Syariah dan Institusi Fatwa Masih Utuh

WADAH menghargai keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengiktiraf keunikan sistem perundangan Malaysia, khususnya kedudukan bidang kuasa negeri dalam hal ehwal Islam seperti Mahkamah Syariah dan institusi fatwa. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa kedudukan Mahkamah Syariah dan institusi fatwa masih utuh, sah dan relevan, dan harus terus difahami serta dihormati masyarakat.

2. Tanggungjawab Individu Tidak Boleh Dielakkan

Meskipun keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan menyatakan fatwa tersebut tidak terpakai kepada entiti korporat, organisasi dan institusi, tanggungjawab terhadap fahaman atau tindakan bertentangan syarak tetap terletak pada individu-individu Muslim yang mengurus organisasi tersebut. Mereka tidak boleh bersembunyi di sebalik nama pertubuhan.

WADAH berpandangan bahawa pandangan Hakim Datuk Abu Bakar Jais dalam penghakiman minoriti (dissenting judgement) yang menyamai penghakiman Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, perlu diberi perhatian sewajarnya, khususnya berkaitan pemakaian terhadap organisasi dan institusi. Ini adalah kerana ia mempertahankan

kesan perundangan terhadap entiti yang digerakkan oleh Muslim serta memberikan amaran terhadap risiko peleraian autoriti institusi Islam.

3. Keseimbangan Mahkamah Sivil dan Syariah Perlu Dijaga?

WADAH memetik dengan penuh penghargaan kenyataan daripada hakim 'dissenting judgement' bahawa:

> "The Civil Courts should not encroach on the jurisdiction of the Syariah Courts. Neither the latter should encroach on the jurisdiction of the former. Each should respect the jurisdiction of the other. This country had enjoyed a peaceful coexistence among the communities by respecting the two different courts and it should remain in that manner for many more years in the future."

Kenyataan ini selari dengan pendirian WADAH yang sentiasa mengangkat prinsip keharmonian sistem dwi-perundangan di Malaysia – dan sebarang percubaan melanggar sempadan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Syariah wajar dielakkan demi kestabilan negara.

4. Cadangan dan Syor

Bagi menyelesaikan kekeliruan dan konflik bidang kuasa ini secara tuntas dan berhikmah, WADAH mengemukakan saranan berikut:

a. Penggubalan Undang Undang Penyelarasian Bidang Kuasa

Kerajaan melalui JAKIM dan Jabatan Peguam Negara digesa merangka satu mekanisme undang-undang yang memperjelas hubungan antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta memperkuat kedudukan fatwa dalam sistem kehakiman negara.

b. Pindaan Akta dan Enakmen Agama Islam

Parlimen dan Dewan Undangan Negeri perlu meminda undang-undang berkaitan agar autoriti fatwa dan Mahkamah Syariah dapat berfungsi secara berkesan dan tidak tertakluk kepada takrifan sempit entiti sivil.

c. Dialog Nasional Dipimpin Majlis Raja-Raja

Majlis Raja-Raja diseru memainkan peranan strategik memimpin satu dialog nasional antara institusi kehakiman, eksekutif dan legislatif untuk menyusun semula keseimbangan sistem dwi-perundangan.

d. Keperluan Hakim-hakim berwibawa pada masa hadapan yang berupaya mengiktiraf kerangka perundangan Islam serta komitmen terhadap keharmonian dua sistem perundangan negara.

WADAH menegaskan bahawa penyelesaian terhadap konflik syariah-sivil ini mesti dilakukan secara ilmiah, profesional dan berhikmah.

Kami meneru seluruh umat Islam untuk terus bertengang dan mendukung usaha memartabatkan institusi Islam demi menjunjung prinsip Perlembagaan dan mempertahankan maruah syariah.

"Menegakkan syariat dengan ilmu, memperkasa institusi dengan hikmah."

TUAN HAJI AZIZUDDIN AHMAD
SETIAUSAHA AGUNG
PERTUBUHAN WADAH
PENCERDASAN UMAT MALAYSIA
(WADAH)
www.wadah.org.my |

WADAH SOKONG GERAKAN KESEJAHTERAAN UMAT MALAYSIA

18 JUN 2025 | 21 ZULHIJJAH 1446H

Pertubuhan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif Gerakan Kesejahteraan Umat Malaysia yang dilancarkan pada 18 Jun 2025. Gerakan ini membawa aspirasi murni untuk memupuk kesejahteraan menyeluruh dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya umat Islam, melalui pendekatan dakwah, kesatuan dan nilai-nilai Madani yang inklusif dan membina.

WADAH meyakini bahawa agenda perpaduan, kesejahteraan politik, ekonomi, sosial, teknologi dan tadbir urus seperti yang digariskan dalam kenyataan rasmi gerakan ini adalah selari dengan matlamat memperkasa ummah secara holistik dan progresif.

Kami juga menolak keras sebarang usaha membentuk 'payung besar' atas nama kepimpinan Melayu, khususnya seperti yang diuar-uarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang hakikatnya berpaksikan politik kebangsaan sempit dan membawa agenda perpecahan serta politik kebencian. Pendekatan sebegini tidak mendidik umat kepada nilai rahmah dan hikmah, sebaliknya menghidupkan semula faham politik lama yang memecahbelahkan umat dan menyukarkan pembinaan Malaysia yang bersatu.

Sebaliknya, Gerakan Kesejahteraan Umat Malaysia tampil dengan pendekatan lebih membina – menyatukan kekuatan umat atas dasar hikmah, keadilan sosial, keterangkuman, dan kesejahteraan menyeluruh – bukan hanya dalam slogan, tetapi dalam tindakan yang nyata.

WADAH KOMITED UNTUK:

- Menggerakkan program-program pencerahan dan kesedaran masyarakat selari dengan misi Gerakan Kesejahteraan Umat Malaysia.
- Membangun keperibadian Muslim yang sejahtera dan membawa nilai hikmah serta rahmah dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.
- Menjadi jambatan kerjasama antara pelbagai pihak dalam menjayakan aspirasi kesejahteraan umat.

Dengan ini, WADAH berdiri teguh bersama rakan-rakan strategik dari kalangan NGO, parti politik dan tokoh masyarakat demi masa depan Malaysia yang lebih sejahtera, bersatu dan maju.

"Kesejahteraan Umat, Kesejahteraan Negara"

AZIZUDDIN AHMAD
SETIAUSAHA AGUNG
Pertubuhan WADAH Pencerdasan
Umat Malaysia (WADAH)
www.wadah.org.my

AGGRESSION: CONDEMN U.S. MILITARY STRIKES AND DEFEND GLOBAL PEACE

22 June 2025 | 15 Zulhijjah 1446H

WADAH strongly condemns the United States' military strikes targeting Iranian strategic interests, describing it as a flagrant violation of sovereignty, international law, and democratic process. These actions were taken without proper consultation with the U.S. Senate, reflecting an increasingly autocratic leadership style akin to modern-day dictators and the brutal tyranny of Hitler.

1. THE UNITED STATES MUST NOT SPARK A NEW GLOBAL WAR

America's unilateral aggression only deepens instability in the Middle East and risks triggering a broader regional war. The international community must no longer tolerate the unchecked arrogance of a superpower acting beyond democratic oversight and global legal norms.

2. THE WORLD MUST CHOOSE PEACE, NOT VIOLENCE

WADAH calls upon all involved parties to immediately cease hostilities and return to the negotiation table. The only sustainable solution is one based on justice, respect for human rights, and the sovereignty of all nations.

3. OIC AND THE UNITED NATIONS MUST ACT DECISIVELY

WADAH urges the Organisation of Islamic Cooperation (OIC) to play a concrete role in protecting affected Muslim populations and advancing a peace process. The United Nations (UN) must abandon its double standards and adopt a firm stance against illegal military intervention and modern-day imperialism.

4. CALL FOR GLOBAL CONDEMNATION AND IMMEDIATE DIPLOMATIC SOLUTIONS

WADAH appeals to world governments, international institutions, and civil society to strongly denounce these violations of international law, and to intensify diplomatic pressure for all parties to resolve their disputes through peaceful and just negotiations.

"RISE TOGETHER FOR A JUST AND PEACEFUL WORLD"

WADAH — Pertubuhan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia / The Movement for an Informed Society Malaysia

AZIZUDDIN AHMAD
Secretary General WADAH




19 Jun 2025

Perbincangan bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bagi penganjuran Seminar Wanita Pesona, Elegan, Jiwa Sejahtera.

Seminar akan dianjurkan pada 17 Julai 2025, di Politeknik (PKS) Kuching, Sarawak dan akan dirasmikan oleh YB Menteri Kementerian Wanita & Keluarga (KPWK).

Hadir bagi pihak SALWA adalah Pengerusi, Ustazah Nordiran Idris dan Pengarah Seminar, Datin Hajah Rosnih Nasir.



23 JUN 2025

Pengerusi, Ustazah Nordiran Idris dan Penolong Setiausaha Kehormat, Puan Lathifah Ulfa, hadir ke Taklimat Modul Program Dan Aktiviti anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

SALWA tersenarai sebagai pelaksana Program Pemerkasaan Aktiviti Warga Emas (PAWE) - Any Where, Any Place, Any Time

Program akan melibatkan komuniti setempat dan akan menumpu kepada bengkel, seminar dan aktiviti bulanan.



KULIAH PAGI

SIRAH RASUL : HIJRAH LAMBANG PERUBAHAN YANG PALING BERANI

- Kuliah bersempena Ma'al Hijrah, disampaikan oleh Ustaz Mohd Naim Mohd Noor, pada hari Jumaat 27 Jun 2025 bersamaan 1 Muharram 1447H.
 - Kuliah diadakan secara maya selepas bacaan Yasin Harian SALWA dan dihadiri oleh seramai 94 orang.

KULIAH PAGI

SIRAH RASUL :
HIJRAH LAMBANG
PERUBAHAN YANG PALING
BERANI

JUMAAT, 27 JUN 2025 /
1 MUHARRAM 1447H
7.30 - 8.30 PAGI

ZOOM
Meeting ID : 898 8444 2247
Passcode : 810492

Ustaz Mohd Naim
Bin Mohd Noor

“Membangun Ummah
Madani”

سالوا
SALWA

GAMBAR PROGRAM BULANAN WADAH

BICARA AD-DIN
Ustaz Ismail Che Ku Kupasan Kitab Siri 266

Hikmah 168:
“Apa yang Berlaku Atas Kehendak Allah”

Kitab Hikam Ibn A’taillah As Sakandari
Jam 4:00 Petang

9 Januari 2025 | Khamis

Siaran langsung di WAPTv Malaysia

BICARA AD-DIN
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



Usrah Anjung Rahmat

Meeting ID: 850 9952 2438
Passcode: 016031

Pakej 'A':
Tafsir & Tarbiyah ruhiyyah

2 Januari 2025
Hari Khamis
Jam 9:00 Malam

Untuk info lanjut, hubungi 013-716 7036/ 018-231 0643

USRAH ANJUNG RAHMAT
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU

Kelas Afala Yatabarrunal Qur'an
SIRI 16

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)

9.30 – 11.00 PAGI

DEWAN KULIAH ANJUNG RAHMAT, SG. MERAB, BANGI

Ustaz Mohd Naim Mohd Nor
Eco Wadah Malaysia

KELAS AFALA YATABARRUNAL QURAN BICARA AD-DIN

HARI KHAMIS SETIAP MINGGU
MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN



USRASH STAF SEKRETARIAT WADAH PUSAT

HARI JUMAAT SETIAP MINGGU

USRASH MAYA
WADAH PUSAT

USRASH WADAH PUSAT
HARI SELASA SETIAP MINGGU